
seeds
#2
S.E.E.D.S
STRATA EMPOWERMENT AND EDUCATION SERIES
KPKT
NATIJAH MEMBUANG SAMPAH

# EDITORIAL


***Penerbit***
Cawangan Pengurusan Strata
Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
Aras 27, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
Tel: 03-8891 5000 / Faks: 03-8891 4332 / 5048

***Dengan kerjasama***
Studio RZQ

***Penaung***
Encik Mohd Syaifulrizal bin Abu Bakar

***Penasihat***
Encik Buhairi bin Jahilan

***Penasihat II***
Ms. Lee Kuen Yee

***Ketua Editor***
Puan Ong Oi Ling

***Penolong Ketua Editor***
Puan Sandra Emily Wong

***Ahli Redaksi***
Encik Mohamad Lokman bin Mohamad Ali
Encik Ahmad Fadzlan bin Mustapha
Puan Nur Hani binti Muhammad Nor Anuar
Cik Siti Noorfadhilah binti Md. Amin
Puan Siti Badariah binti Toha
Cik Nurfadzillah binti Abd Rahni
Puan Nur Aimie Iziana binti Zakaria

***Pengarah Penerbitan***
Ahnaf

***Ketua Kartunis***
Jumper

***Kartunis***
Bophairy, Spider, Lepat, Pjoe, Jumper

***Grafik***
Zairi Fadzil

***Skrip dan Editorial***
Hairul Abd Hai

***Pencetak***
Ria Tinta Sdn Bhd (930278-V)
No 20, Jalan PBS 14/13,
Kawasan Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Sri Kembangan
Tel: 017 623 0343






Hakcipta terpelihara. Tiada sebahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan atau dimasukkan ke dalam sistem pengambilan, diedarkan, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara (elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya) tanpa izin bertulis daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terlebih dahulu.


PADA SUATU PETANG YANG DAMAI.
KELIHATAN VIJAY SEDANG BERJALAN DENGAN BERGAYA.
HAIYA! SALMAH. SAYA CERITA BETUL PUNYALAH.. BLA..BLA..BLA.
TIBA-TIBA BAHAYA DATANG DARI ARAH YANG TIDAK DISANGKA-SANGKA.


VIJAY, JAGA-JAGA!
HAH?!
AIYO! HABISLAH AKU.
TIBA-TIBA!
THOMB!!
SAMPAH TADI HANCUR BEGITU SAJA.
HUH? APA YANG TERJADI?


TERIMA KASIH A-757.
MUJUR KAU OK!
TIADA MASALAH VIJAY.
SIAPALAH YANG BUANG TADI?
ITULAH...
PENTING DIRI SENDIRI BETUL!
INI SEMUA KAU LA NI PUNYA PASAL.
SYYHH...
BAHAYA BETUL BUANG SAMPAH DARI ATAS MACAM TU.
BETUL! PELIK BETUL AKU DENGAN SIKAP ORANG MACAM NI.


PERBUATAN ITU BUKAN SAJA BAHAYAKAN PENDUDUK. MALAH MENCEMARKAN PERMANDANGAN PERSEKITARAN APARTMENT KITA.
EH! EMI LEE.
HARI TU AKU TERJATUH GARA-GARA TERPIJAK KULIT PISANG DI TANGGA.
DI MASA AKAN DATANG KEJADIAN INI MASIH BERLAKU DI SELURUH DUNIA.
KITA TIDAK BOLEH BIARKAN SIKAP INI TERUS MENERUS DIWARISI OLEH GENERASI MASA HADAPAN. KITA KENA LAKUKAN SESUATU, KERANA IA BUKAN SAJA BOLEH MENDATANGKAN KECEDERAAN, MALAH KEMATIAN.
A-757
KAMU SEMUA MAHU TAHU? ANAK JIRAN SAYA SANGAT SUKA MEMBUANG SAMPAH MERATA-RATA. YANG PELIKNYA IBU-BAPANYA LANGSUNG TIDAK MARAH.


TERUKNYA! MARI KITA SAMA-SAMA PERGI NASIHATKAN MEREKA SEKELUARGA.
MARI! LEBIH CEPAT, LEBIH BAGUS!
AMBOI! SEMANGATNYA.
A-1
MEREKA TINGGAL DI BLOK MANA AMIN?
DI BLOK INI JUGA. KAU LUPA KE DI MANA RUMAH AKU EMI?
OH YA! JIRAN KAMU KAN? HEHE.
RASANYA KITA TIDAK PERLU SUSAH PAYAH NAIK KE ATAS. ITU PUN MEREKA.


MEREKA MAHU KELUAR. INI PELUANG KITA.
AUNTY MEI! BOLEH KITA BERCAKAP SEKEJAP?
HUH?
ADA APA AMIN?
ERR... IA BERKENAAN ANAK AUNTY.
HA! KENAPA DENGAN SAYA PUNYA ANAK?
BEGINI... AMIN CERITA YANG ANAK AUNTY KERAP SANGAT BUANG SAMPAH MERATA-RATA. JADI KAMI HARAP AUNTY DAPAT NASIHATKAN DIA. SUPAYA PERSEKITARAN KITA LEBIH BERSIH DAN TERJAGA.
A-757



CUKUP! YANG KAMU SEMUA NI MENYIBUK SANGAT KENAPA? SUKA HATI DIALAH MAHU BUANG. BUKAN KAMI SAJA YANG BUAT MACAM TU. RAMAI LAGI ORANG LAIN BUAT JUGA!
HUH! RUPANYA MAK DIA PUN SAMA JUGA.
JANGANLAH MARAH AUNTY. IA BUKAN SAJA KOTOR AUNTY, TETAPI BERBAHAYA JUGA. TADI KAWAN SAYA NYARIS TERKENA SAMPAH YANG ORANG BUANG DARI TINGKAT ATAS.
GULP.
A-757
DIAMLAH KAU!
SIBUK SAJA HAL ORANG LAIN. MARI AH BOI KITA PERGI!
WEK!


AIYAA!
HUH, APA YANG TERJADI?
AIYAA... SAKITNYA KEPALA SAYA...
AMA!!!
ADOI... SIAPA LA YANG BUANG SAMPAH DARI ATAS?
AMA?
NENEK!


ADA ORANG BUANG SAMPAH DARI ATAS. HABIS KENA KEPALA MAK. BIADAB BETUL!
ERK!
SEKARANG AUNTY SUDAH NAMPAK KEBURUKANNYA?
ERR.. ARRR...
NENEK OK? MARI SAYA BANTU NENEK.
KEBURUKAN? KEBURUKAN APA?


BEGINI CERITANYA NENEK.
HUH?
APA YANG EMI BISIKKAN TU AMIN?
ENTAHLAH.
MEI!!!
ALAMAK!
INGAT YA KAWAN-KAWAN. JAGALAH KEBERSIHAN TEMPAT TINGGAL KITA. ASINGKAN SAMPAH MENGIKUT JENIS DAN BUANG DI DALAM TONG SAMPAH KITAR SEMULA YANG TELAH DI SEDIAKAN. SELAMATKAN BUMI KITA!
GUA TALAK SANGKA AWAK PUN BUANG SAMPAH SESUKA HATI. TAK BAIK LOH...
A-757

# Mengenal Jenis-jenis

# TONG KITAR SEMULA

TAHUKAN ANDA BAHAWA SETIAP HARI KITA AKAN MENGHASILKAN SAMPAH? SAMPAH ATAUPUN SISA PEPEJAL MERUPAKAN SESUATU YANG TIDAK DIGUNAKAN DAN DIPERLUKAN LAGI YANG DIJANA DARIPADA AKTIVITI KOMERSIAL, AGRIKULTUR DAN INDUSTRI. SAMPAH TERDIRI DARIPADA PEPEJAL, CECAIR DAN GAS. UNTUK MENGURANGKAN JUMLAH SAMPAH YANG DIHASILKAN OLEH MASYARAKAT, SALAH SATU LANGKAH YANG KITA HARUS AMALKAN IALAH KITAR SEMULA.







*KEGUNAAN :* TIN ALUMINUM, TIN KELULI SEPERTI TIN MINUMAN RINGAN DAN BEKAS MAKANAN.

*TIDAK TERMASUK :* CERMIN TINGKAP, SKRIN KENDERAAN, PORSELIN, LOGAM, BEKAS BAHAN TOKSIK, PERALATAN MAKMAL DAN SERAMIK.

*KEGUNAAN :* SEMUA KERTAS BERWARNA ATAU TIDAK, SEPERTI MAJALAH, AKHBAR, BUKU, HELAIAN RISALAH, KAD, KOTAK DAN SAMPUL SURAT.

*TIDAK TERMASUK :* TISU, KERTAS KARBON, KERTAS MINYAK ATAU ALUMINIUM, KERTAS BERLAPIS PLASTIK DAN KERTAS YANG KOTOR.







*KEGUNAAN :* SEMUA PLASTIK BERWARNA DAN TIDAK BERWARNA SEPERTI BEG PLASTIK MEMBELI BELAH, BOTOL MINUMAN, BOTOL AIR MINERAL, BEKAS MAKANAN, BOTOL CECAIR PENCUCI DAN BOTOL VITAMIN.

*TIDAK TERMASUK :* BEKAS CAT, BEKAS BAHAN TOKSIK, PERALATAN MAKMAL DAN BEKAS *STYROFOM.*



# S.E.E.D.S

STRATA EMPOWERMENT AND EDUCATION SERIES




KPKT

**CAWANGAN PENGURUSAN STRATA**
**KEMENTERIAN PERUMAHAN**
**DAN KERAJAAN TEMPATAN**